



Rujukan: UKM KKL.20/224/2/4

Tarikh : 31 Jan 2020

SURAT EDARAN BENDAHARI (KKL) BIL 2/ 2020

Ketua Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM)

YBhg Prof/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,


PENGELUARAN CAJ UNTUK TUNTUTAN KEPADA UKMSC BAGI PENGGUNAAN PERKHIDMATAN HCTM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Mesyuarat Pengurusan HCTM bil 28/ 2019 bertarikh 17 Disember 2019 adalah berkaitan.

Untuk makluman YBhg Prof/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, perkhidmatan rawatan/ ujian/ prosedur yang diberikan kepada pesakit UKMSC di PTJ/ klinik-klinik/ wad/ makmal/ farmasi/ Dewan Bedah dan mana-mana lokasi perkhidmatan di dalam HCTM perlu dicaj untuk tuntutan kepada UKMSC. Ini juga termasuk pembekalan bahan pakai habis, alat implan, ubat, sewaan ruang, penyelenggaraan dan penggunaan alatan.

Sehubungan itu, bagi memastikan caj-caj kepada pesakit UKMSC dapat dituntut, berikut adalah beberapa tindakan yang perlu dilaksanakan di peringkat PTJ:-

- Menyemak dan mengenalpasti semula secara menyeluruh perkhidmatan rawatan dan pembekalan yang telah diberikan kepada pesakit UKMSC di PTJ/ klinik-klinik/ wad/ makmal/ farmasi/ Dewan Bedah dan mana-mana lokasi perkhidmatan di dalam HCTM samada yang belum pernah atau pernah dituntut. Data yang telah dikenalpasti, perlu dikemukakan kepada Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari KKL bagi tujuan semakan semula kadar caj untuk tuntutan kepada UKMSC.
- Menyediakan data berkaitan perkhidmatan rawatan dan pembekalan yang diberikan kepada pesakit UKMSC dan mengemukakan ke Bahagian Hasil selewat-lewatnya **pada 10hb. setiap bulan**. Data hendaklah direkod oleh PTJ menggunakan buku/ borang atau mana-mana format yang bersesuaian.



MS ISO 9001:2015 Cert. No. : QMS 01547



BAHAGIAN HASIL, JABATAN BENDAHARI
Kampus Kuala Lumpur, Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal,
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Telefon+603-9145 5555 (Operator), 5230,7969,7977 (Pejabat Am), E-mel: hasiljkew@ppukm.ukm.edu.my, Laman
Web: <http://www.ppukm.ukm.my>

Justeru itu, mohon kerjasama YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan agar dapat mengemukakan data sepertimana yang ditetapkan untuk tindakan pengeluaran invoice di Bahagian Hasil. Kegagalan PTJ mengemukakan data dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan hasil hospital tidak dapat dikutip dan risiko berlakunya kutipan bolos.

Sebarang maklumbalas atau pertanyaan lanjut boleh berhubung dengan Bahagian Hasil, Jabatan Bendahari KKL di talian 5228 (En Sazali), 5234 (Cik Norhaslina) atau 5233 (En Muiz).

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


WAN OMI BT HJ WAN YUSSOP
Timbalan Bendahari
Jabatan Bendahari, Kampus Kuala Lumpur

- s.k - YBhg. Prof. Datuk Dr. A Rahman A Jamal
Pro Naib Canselor Kampus Kuala Lumpur
- YBhg. Prof Dato' Dr .Hanafiah Harunarashid
Pengarah HCTM